



---

**PEKELILING PENTADBIRAN  
BILANGAN 15 TAHUN 2019**

---

**PENGGUNAAN BORANG PENILAIAN  
AWAL RISIKO  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar  
**8 April 2019 | 2 Syaaban 1440H**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.14.03/100-3/2/1 Jld. 2 ( 5 )

8 APRIL 2019  
2 SYAABAN 1440H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 15/2019 **PENGGUNAAN BORANG PENILAIAN AWAL RISIKO** **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

### **1.0 TUJUAN**


Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan penggunaan Borang Penilaian Awal Risiko Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1. Pejabat Pendaftar UTeM telah mengeluarkan Surat Edaran Pentadbiran Bil. 7 Tahun 2017 pada 05 Jun 2017 berkenaan keperluan ulasan/implikasi sebagai komponen analisa risiko yang boleh mempengaruhi keputusan dalam mencapai objektif bagi sesuatu program/aktiviti dengan menerima sebahagian daripada risiko.
- 2.2 Cadangan penggunaan Borang Penilaian Awal Risiko telah diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 12/2018 yang diadakan pada 20 Disember 2018.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, pemohon perlu mengisi Daftar Risiko mengikut kaedah pengisian yang telah disediakan oleh Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko (PPSKR) dan dibawa masuk ke mesyuarat bersama kertas cadangan untuk mendapatkan kelulusan Universiti.

### **3.0 PENGGUNAAN BORANG PENILAIAN AWAL RISIKO**

- 3.1 **Rajah 1** menunjukkan aliran proses yang dilalui oleh pemohon untuk membuat penilaian risiko bagi program/aktiviti yang ingin dijalankan sebelum dibawa ke mesyuarat untuk kelulusan.



**Rajah 1: Carta Alir Penilaian Risiko**

3.2 Borang Penilaian Awal Risiko adalah seperti di **Lampiran A**.

3.3 Pemohon perlu membuat penilaian awal berhubung program/aktiviti yang ingin dijalankan dengan merujuk kepada skor kesan penilaian yang telah dikenalpasti seperti di **Jadual 1**. Penilaian hendaklah dibincangkan bersama Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pusat Tanggungjawab dan disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab.

KESAN PENILAIAN	SKOR				SKOR YANG DIPILIH
	1	2	3	4	
1. Kesan kepada pencapaian objektif PTj/universiti	Tiada kesan/sangat minimum	Memberi kesan secara tidak langsung kepada objektif	Memberi kesan kepada KPI Pelan Strategik	Memberi kesan kepada objektif strategik	
2. Kesan kepada kewangan PTj/Universiti	<b>Bagi aktiviti/program bersifat operasi</b>				
	Tiada kos	Sehingga RM10,000.00	Sehingga RM20,000.00	Melebihi RM20,000.00	
	<b>Bagi aktiviti/program melibatkan projek pembangunan</b>				
	Sehingga RM20,000.00	Sehingga RM200,000.00	Sehingga RM500,000.00	Melebihi RM500,000.00	
	<b>Bagi aktiviti/program melibatkan perundingan (caj kepada klien/cadangan PTj)</b>				
	Sehingga RM20,000.00	Sehingga RM200,000.00	Sehingga RM500,000.00	Melebihi RM500,000.00	
3. Kesan kepada operasi PTj/Universiti	Tiada/sangat minima	Keperluan penambahan proses kerja yang baru	Penstrukturan semula staf secara dalaman	Keperluan staf baharu	
<b>JUMLAH SKOR KESELURUHAN</b>					

**Jadual 1: Penilaian Awal**

3.4 **Jadual 2** menunjukkan rujukan kelas impak kepada nilai skor yang dipilih:

SKOR	KELAS IMPAK
3 - 5	Rendah
6 - 9	Sederhana
10 - 12	Tinggi

**Jadual 2: Kelas Impak**

- 3.5. Sekiranya skor yang diperolehi berada di kelas impak rendah atau sederhana, salinan Borang Penilaian Awal Risiko perlu dihantar ke Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko (PPSKR) bagi tujuan rekod.
- 3.6 Sekiranya skor yang diperolehi berada di kelas impak yang tinggi, perincian risiko hendaklah dilakukan berdasarkan format Daftar Risiko yang terkini. Kertas cadangan, Borang Penilaian Awal Risiko dan Daftar Risiko perlu dihantar ke PPSKR. Pihak PPSKR akan memberikan ulasan terhadap kesesuaian penilaian dan kod tindakan yang dinyatakan oleh pemohon.
- 3.7 Kertas cadangan seterusnya dibawa ke mesyuarat yang berkaitan beserta dengan Borang Penilaian Awal Risiko dan Daftar Risiko (sekiranya perlu) oleh pemohon untuk mendapatkan kelulusan mesyuarat.

#### **4.0 CADANGAN MESYUARAT YANG TERLIBAT**

- 4.1 Mesyuarat yang terlibat adalah seperti berikut:-
  - 4.1.1 Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
  - 4.1.2 Mesyuarat Majlis Eksekutif (ME)
  - 4.1.3 Mesyuarat Senat
  - 4.1.4 Mesyuarat Jawatankuasa Transformasi (JKT)
  - 4.1.5 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK)
- 4.2 Walau bagaimanapun, penggunaan Borang Penilaian Awal Risiko dan Daftar Risiko (sekiranya perlu) boleh diperluaskan kepada mesyuarat-mesyuarat lain mengikut keperluan Universiti.

#### **5.0 PERTANYAAN LANJUT**

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Risiko, Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko (PPSKR).

#### **6.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MASDZARIF BIN MAHAT**

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

*sya/uddp/bgpo*

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
BORANG PENILAIAN AWAL RISIKO**

**PERHATIAN**

1. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap dan sempurna. Borang yang tidak lengkap akan dikembalikan.
2. Bagi Kelas Impak Rendah dan Sederhana, pemohon hanya perlu mengemukakan sesalinan Borang Penilaian Awal Risiko kepada Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko bagi tujuan rekod. Salinan asal dan kertas cadangan hendaklah diserahkan kepada urus setia mesyuarat yang berkaitan.
3. Sila pastikan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti di perkara 4 dilampirkan bersama borang penilaian ini sekiranya Kelas Impak Tinggi. Borang Penilaian Awal Risiko hanya akan diproses berdasarkan kepada maklumat seperti mana yang dinyatakan pada borang ini sahaja.
4. Senarai Semak sekiranya Kelas Impak Tinggi:

Bil.	Dokumen Semakan	Tandakan
1.	Kertas Cadangan	
2.	Daftar Risiko	

5. Borang Penilaian Awal Risiko Kelas Impak Tinggi hendaklah dikemukakan kepada pihak Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko dalam tempoh dua (2) minggu sebelum tarikh mesyuarat.
6. Tempoh masa tiga (3) hari bekerja bagi pihak PPSKR memberikan ulasan terhadap borang penilaian awal risiko yang bersifat tinggi.

**MAKLUMAT PERMOHONAN**

Nama Pemohon :

Pusat Tanggungjawab :

Nama Mesyuarat :

Tarikh Mesyuarat :

Nama Program/ Aktiviti :

Pemohon dikehendaki membuat penilaian berhubung program/aktiviti yang ingin dijalankan. Penilaian hendaklah dibincangkan bersama Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pusat Tanggungjawab dan disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab.

KESAN PENILAIAN	SKOR				SKOR YANG DIPILIH
	1	2	3	4	
1. Kesan kepada pencapaian objektif PTj/universiti	Tiada kesan/sangat minimum	Memberi kesan secara tidak langsung kepada objektif	Memberi kesan kepada KPI Pelan Strategik	Memberi kesan kepada objektif strategik	
2. Kesan kepada kewangan PTj/Universiti	<b>Bagi aktiviti/program bersifat operasi</b>				
	Tiada kos	Sehingga RM10,000.00	Sehingga RM20,000.00	Melebihi RM20,000.00	
	<b>Bagi aktiviti/program melibatkan projek pembangunan</b>				
	Sehingga RM20,000.00	Sehingga RM200,000.00	Sehingga RM500,000.00	Melebihi RM500,000.00	
	<b>Bagi aktiviti/program melibatkan perundingan (caj kepada klien/cadangan PTj)</b>				
	Sehingga RM20,000.00	Sehingga RM200,000.00	Sehingga RM500,000.00	Melebihi RM500,000.00	
3. Kesan kepada operasi PTj/Universiti	Tiada/sangat minima	Keperluan penambahan proses kerja yang baru	Penstrukturan semula staf secara dalaman	Keperluan staf baharu	
<b>JUMLAH SKOR KESELURUHAN</b>					

Nota :

1. Sila pilih skor yang sesuai merujuk kepada kesan penilaian yang dinyatakan.
2. Sila nyatakan jumlah skor pada ruang yang disediakan.
3. Berikut adalah rujukan Kelas Impak kepada nilai skor yang dipilih:

SKOR	KELAS IMPAK
3 - 5	Rendah
6 - 9	Sederhana
10 - 12	Tinggi

Sekiranya skor yang diperolehi berada di tahap tinggi, perincian risiko hendaklah dilakukan berdasarkan format Daftar Risiko yang terkini.



**ULASAN PEMOHON**

Ulasan :

.....  
 .....

Tarikh : .....

.....

Tandatangan

**PENGESAHAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB**

Adalah disahkan bahawa butir-butir yang dinyatakan adalah benar.

Tarikh : .....

.....

Tandatangan &amp; Cap Nama

**ULASAN PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK, KUALITI DAN RISIKO**

Tarikh Borang Penilaian Awal Risiko diterima : .....

Ulasan (sekiranya Kelas Impak Tinggi) :

.....  
 .....

Tarikh : .....

.....

Tandatangan &amp; Cap Nama